

# Dua warga asing salah guna dadah dipenjara lima bulan dan diusir

**MIRI:** Dua lelaki warga asing masing-masing dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas disabitkan bersalah atas kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mahkamah turut memerintahkan kedua-dua tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut setelah selesai menjalani hukuman penjara.

Adi Allpriyana dan Muslisin, 22, kedua-duanya dari Indonesia, didakwa di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda sehingga

RM5,000 atau penjara sehingga dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, Adi didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Methamphetamine manakala Muslisin menggunakan dadah Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut

ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Merêka didakwa melakukan kesalahan itu masing-masing pada jam 2.30 petang, 4 Mac lalu dan jam 2.05 petang, 17 Mac lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pertuduhan kes telah dibacakan secara berasingan kepada kedua-dua tertuduh.

Di hadapan mahkamah, kedua-dua tertuduh yang hadir tanpa diwakili peguam bela merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertama mereka.

Pendakwaan kes dikendalikan ASP Mary Ong di hadapan Majistret Ashok Linggam.